

Iktibar Pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam  
06 Zulhijjah 1442H/16 Julai 2021M

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu  
wa Taala dengan mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya.  
Mudah-mudahan kita mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Taaladi  
dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa Ta'ala,**

Empat hari lagi umat Islam akan menyambut hari raya Korban.  
Hari umat Islam seluruh dunia diperintah dan disunatkan berkorban

binatang ternakan sebagai korban untuk disedekahkan dagingnya kepada fakir miskin. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dengan hadis yang mafhumnya: *Sesungguhnya pertama-tama amalan yang kita lakukan pada hari ini (Aidiladha) ialah supaya kita solat kemudian kembali ke rumah lalu kita menyembelih korban, maka barangsiapa yang mengerjakan sedemikian ia telah mengikut sunnahku. Adapun orang yang menyembelih sebelum solat, adalah merupakan sembelihan yangbukan ibadah korban.*

Pensyariatan ibadah korban adalah tanda kepatuhan kita kepada Allah Subhanahu wa Taala. Tanpa pengorbanan, sama ada jiwa dan harta benda, tidak mungkin syariat Allah Subhanahuwa Taala dapat ditegakkan. Sejarah pengorbanan agong Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sanggup menyembelih Nabi Ismail Alaihissalam, putera kesayangannya baginda semata-mata mematuhi perintah Allah Subhanahuwa Taala. Demikian juga, kepatuhan Siti Hajar kepada suaminya Nabi Ibrahim untuk tinggal keseorangan di tanah gersang Mekah, semata-mata yakin kepada perintah Allah. Inilah inti pati

pengajaran daripada pengorbanan agong yang ditempuhi oleh Nabi Ibrahim, isteri dan anaknya Alaihi mussolatuwassalam.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SubhanahuwaTa'ala,**

Marilah kita bersama-sama terus mempertahankan kesucian agama Islam. Insaflah bahawa, ibadat korban mengingatkan kita agar tidak lupa bahawa kita berada dalam satu kesatuan ummah yang saling bantu membantu antara satu sama lain. Firman Allah Subhanahuwa-Ta'ala dalam surah As-Saafaat ayat 103 hingga 107:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾ وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ الرُّؤْيَا ج

إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٠٦﴾ وَفَدَيْنَاهُ

بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

Yang bermaksud: *Tatkala keduanya telah berserah diri dan Ibrahim membaringkan anaknya atas pelipis(nya), (nyatalah kesabaran keduanya). Dan Kami panggillah dia: "Wahai Ibrahim, Sesungguhnya*

*kamu telah membenarkan mimpi itu. Sesungguhnya demikianlah Kami memberi balasan kepada orang yang berbuat baik. Sesungguhnya ini benar-benar suatu ujian yang nyata. Dan Kami tebus anak itu dengan seekor sembelihan yang besar”.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.